



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

15 TAPAK BINA GAGAL PATUH SOP DIARAH TUTUP

CIDB giat jalankan pemantauan di tapak pembinaan dalam tempoh PKP

KUALA LUMPUR – Sebanyak 15 tapak pembinaan diarah tutup oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mula dilaksanakan pada 13 Januari 2021.

Setakat 14 Februari 2021, 15 tapak pembinaan telah diberikan notis berhenti kerja kerana didapati tidak mematuhi beberapa Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan seperti penempatan pekerja tidak mematuhi Akta 446, tiada penjarakan fizikal dan pekerja tidak memakai pelitup muka.

Dalam tempoh ini, CIDB telah memeriksa sebanyak 1,078 tapak pembinaan di seluruh negara yang mana sebanyak 1022 tapak pembinaan didapati beroperasi. Daripada jumlah itu, sebanyak 1007 tapak bina didapati mematuhi SOP, manakala sebanyak 15 tapak bina didapati tidak mematuhi SOP dan diarah tutup.

Kebanyakan kes positif COVID-19 di tapak-tapak pembinaan adalah berpunca daripada kegagalan mematuhi SOP dan garis panduan yang ditetapkan. Hasil penemuan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga mendapati bahawa punca utama penularan wabak ini di kalangan pekerja asing adalah:

- I. Penempatan pekerja yang sesak, kotor dan tidak mematuhi Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446);
- II. Pekerja berpindah dari satu tapak projek ke tapak projek yang lain didapati berperanan menyebarkan wabak tersebut dan membentuk kluster-kluster pembinaan; dan
- III. Ketidakpatuhan SOP dan garis panduan yang ditetapkan

Para kontraktor yang mendapat kebenaran beroperasi dalam tempoh pelaksanaan PKP perlu memastikan pematuhan SOP sepenuhnya di tapak pembinaan dan penempatan pekerja bagi mengelakkan jangkitan dan penularan wabak COVID-19. Mereka akan berdepan dengan tindakan tegas jika gagal berbuat demikian.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kkr.gov.my

CIDB diarah mempergiatkan lagi pemeriksaan SOP di tapak pembinaan di seluruh negara untuk memastikan pematuhan. Jika projek pembinaan didapati tidak mematuhi SOP, CIDB akan mengeluarkan arahan penutupan tapak bina. CIDB juga boleh mengenakan tindakan tatatertib terhadap kontraktor terbabit yang mengakibatkan pendaftaran mereka dibatalkan atau digantung.

SOP terkini boleh dirujuk di laman web CIDB Malaysia www.cidb.gov.my/ms/pkp-kebenaran-beroperasi. Maklumat lanjut berkenaan SOP dan Garis Panduan Industri Pembinaan boleh didapati menerusi Telegram rasmi CIDB Malaysia <https://t.me/cidbmy> atau hubungi Hotline CIDB **03-55673300** (Waktu Operasi dari Isnin hingga Jumaat jam 8.00 pagi hingga 5.30 petang).

YB DATO' SRI HAJI FADILLAH HAJI YUSOF
MENTERI KANAN KERJA RAYA
15 FEBRUARI 2021

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kkr.gov.my